



Nama : Rozlen Binti Mustapa
Jabatan : Pengurusan Pengetahuan
Ext : 271
Nama Buku : Konfesi Prebet Adam
Tempat Terbitan : Bangi
Penerbit : Dubook
Jumlah Muka Surat : 192
Tahun Terbitan : 2017
Sasaran Umur : 18 tahun ke atas
Komen Fizikal : sesuai dipegang ketika membaca.
Elemen Biblioterapi : Kesihatan mental & kesedaran trauma buli
Positif : Pengakuan (Konfesi seperti dalam judul) eksklusif daripada Prebet Adam @ Adam Rembo (Adam Jaafar).
Negatif : Buli/ragging
Kelebihan : Kesedaran kisah benar.
Luahan Rasa : Judul buku yang menarik.

Sinopsis

Adam bin Jaafar atau dikenali sebagai Prebet Adam. Kisah Prebet Adam ni menjadi topik bicara utama pada tahun 1987 di mana Prebet Adam bersenjatakan M-16 telah mengamuk di Jalan Chow Kit yang menyebabkan beberapa kematian.

Kes ini mendapat perhatian di seluruh negara sehinggakan Ketua Polis Negara dan Pegawai Tinggi Tentera turun untuk membantu menyelesaikan kes ini. Penolong Panglima Operasi Tentera Darat iaitu Leftenan Jeneral Abdul Ghani menyelamatkan keadaan dengan menawar diri untuk bersemuka Prebet Adam seorang diri yang mana di akhirnya Prebet Adam menyerah diri.

Di sebalik amukan ini, terdapat kisah-kisah kontroversi yang dikatakan merupakan punca pada terjadinya amukan di Chow Kit. Antaranya ialah punca berkait rapat dengan kematian seorang kedi golf (adik kepada Prebet Adam) yang dipukul oleh Almarhum Sultan Johor (ketika itu Yang Di Pertuan Agong). Tetapi dinafikan oleh

Prebet Adam di dalam buku ini yang disertakan salinan sumpah yang menafikan kejadian tersebut.

Selain itu, amukan ini juga dikatakan berpunca daripada ketegangan politik yang berlaku pada waktu tersebut sehinggakan ada yang menganggap akan berulang lagi peristiwa 13 Mei 1969. Begitulah cerita di sebalik kisah amukan Prebet Adam yang mana diceritakan di dalam buku ini.

